

BUTA NOMBOR

Oleh

Benjamin Anak Kibong

Sek. Keb. Nanga Menjuau, Ulu Skrang,
95900 Lubok Antu, Sri Aman.

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk membantu seorang murid perempuan Tahun 1 (yang lebih senang dipanggil Enoch) mengenali dan menulis nombor 0 hingga 9. Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Nanga Menjuau, Ulu Skrang. Pengumpulan data dibuat berdasarkan pemerhatian, rekod kehadiran, Lembaran Kerja, dan Ujian Bulanan. Tinjauan awal mendapati Enoch langsung tidak mengenali nombor dan tidak pandai menulis nombor 0 hingga 9, malahan cara beliau memegang pensel pun tidak betul. Selepas perlaksanaan tindakan terutamanya teknik "tracing" yang saya gunakan serba sedikit dapat membantu Enoch mengenali dan menulis nombor 0 dan 1 sahaja. Walaupun Enoch hanya dapat mengenal dan menulis dua nombor sahaja tetapi satu kemahiran yang dapat Enoch perolehi daripada penyelidikan tindakan ini ialah Enoch sudah pandai memegang pensel dengan cara yang betul.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sekolah Kebangsaan Nanga Menjuau terletak kira-kira 200 kilometer dari Bandar Sri Aman. Sekolah ini hanya dapat dihubungi dengan menggunakan jalan sungai sahaja iaitu melalui Sungai Batang Skrang yang mengambil masa 4 jam menaiki perahu panjang. Sekolah ini mempunyai 6 buah kelas iaitu Tahun 1 hingga Tahun 6 dan mempunyai 70 orang murid yang datang dari 7 buah rumah panjang yang berdekatan dengan sekolah ini. Pada penempatan pertama saya pada tahun 2005 sebagai pendidik, saya telah ditempatkan di sekolah ini. Saya telah ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Matematik Tahun 1, 2 dan 6.

Pengalaman hari pertama mengajar di Tahun 1 dalam mata pelajaran Matematik adalah amat menyedihkan bila saya melihat keranah anak-anak murid dengan telatahnya tersendiri yang amat berbeza daripada kanak-kanak di kawasan bandar. Mungkin ini merupakan hari pertama mereka bersekolah dan saya tidak banyak berfikir perkara lain selain mula mengorak langkah untuk memulakan pelajaran untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Saya meneruskan sesi pengajaran seperti biasa dan pada tempoh tiga minggu, terdapat satu situasi yang menarik perhatian saya dalam kelas Tahun Satu apabila saya mengajar murid tersebut membaca dan menulis nombor 0 hingga 9.

Terdapat seorang murid perempuan yang saya namakan sebagai Enoch benar-benar mengejutkan saya semasa saya meminta beliau menulis nombor di papan hitam dengan meniru nombor yang saya telah tulis di papan hitam itu. Apabila saya menulis nombor 0, dia menulis nombor 0 dengan betul tetapi apabila saya menulis nombor 1, beliau tetap menulis nombor 0. Jadi penulisan saya tersekat pada nombor 1. Saya menulis nombor 1 dengan banyak dan dengan saiz yang cukup besar agar Enoch dapat melihat dan meniru bentuk nombor itu. Tetapi hasrat saya untuk melihat beliau menulis bentuk nombor itu dengan betul tidak kesampaian berbanding dengan murid-murid lain.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini bermula apabila saya mula mendampingi Enoch setiap kali saya masuk kelas Tahun 1. Semasa saya mengajar murid-murid menulis nombor di papan hitam, semua murid dapat mengikuti apa yang ditulis walaupun tidak sempurna tetapi keadaan yang berlainan pula berlaku pada Enoch. Dia masih juga menulis semua nombor itu sebagai nombor 0 untuk nombor 0 hingga 9.

Dia langsung tidak dapat menulis nombor selain daripada nombor 0. Murid-murid yang lain sering kali mempersendakannya apabila saya meminta Enoch menulis di papan hitam. Kadang-kala saya selalu menanyakan masalah yang dihadapi oleh Enoch daripada kawan-kawan yang sekampung dengannya, tetapi mereka pun kurang pasti apa masalah yang dihadapi oleh Enoch. Apabila saya mendampingi dan cuba berbual dengan Enoch, dia selalu mengelak dan hanya tersenyum sahaja. Dia langsung tidak mahu bercakap dengan saya.

Dengan bantuan tangan saya, Enoch dapat menulis nombor yang ditunjukkan tetapi dia masih juga tidak dapat menulis nombor itu apabila saya meminta beliau menulis nombor itu semula. Dia tetap menulis nombor 0 untuk nombor yang bukan nombor 0.

FOKUS KAJIAN SAYA

Sehingga bulan Mac, saya dapati Enoch masih tidak menunjukkan yang dia sudah tahu menulis nombor selain daripada nombor 0. Seringkali saya meminta beliau menulis di papan hitam mahupun pada kertas tetapi tiada hasil yang saya dapat melainkan cuma satu garis bulat yang menyerupai nombor 0 pada semua ruang yang saya berikan dalam kertas itu. Murid-murid yang lain sudah menguasai semua nombor walaupun mata pelajaran Matematik diajar dalam Bahasa Inggeris. Enoch langsung tidak dapat mengingat sebarang nombor dari 0 sampai 9 walaupun berulang kali saya menyebut nombor-nombor ini. Kadang kala nombor 0 yang saya minta tulis, lain pula yang dia tulis. Mungkin pada tafsiran Enoch semua nombor dari nombor 0 hingga nombor 9 adalah nombor 0.

Bagi menghadapi situasi ini, saya merancang suatu tindakan yang mana dapat membantu Enoch dalam usaha mengurangkan jurang kemahiran menulis dan mengingat beliau dengan murid-murid lain. Kelemahan ini mungkin terletak pada diri saya atau diri Enoch dan saya perlu bermula dari awal untuk mengenal pasti tindakan yang perlu diambil. Mungkin saya boleh merujuk Enoch kepada keluarganya sendiri atau kepada rakan-rakan saya yang lain. Saya perlulah mengenal pasti apakah keistimewaan yang terdapat pada diri Enoch terlebih dahulu.

TINJAUAN AWAL

Enoch merupakan anak pasangan petani yang berasal daripada kampung yang terletak kira-kira 2 jam perjalanan dari sekolah. Dalam kelas, Enoch jarang sekali bermain-main dengan murid-murid yang lain. Beliau cuma bergaul dengan murid yang sekampung dengannya. Apabila disoal, dia akan tersenyum dan menggaru kepala. Dia akan bercakap apabila murid lain meminta beliau bercakap dan ketika aktiviti Matematik, dia tidak ketinggalan mengambil bahagian tetapi beliau disisihkan oleh murid lain kerana alasan mereka dia tidak tahu apa-apa. Enoch selalu mengasingkan diri apabila tiba aktiviti Matematik kerana murid lain tidak mahu bersamanya. Enoch jarang sekali mengganggu murid lain dalam kelas.

Pada hujung minggu apabila Enoch tidak balik ke rumah beliau, emaknya selalu menjenguk beliau di sekolah. Apabila ternampak ibunya, dia akan terus menangis dan mahu mengikut ibunya balik ke rumah. Apabila diusik oleh murid lain, dia tidak menunjukkan respons terhadap usikan itu. Sebaliknya beliau hanya menggaru kepala. Satu perkara yang kadang kala berlaku pada Enoch apabila beliau menangis dalam kelas ialah dia akan terkencing. Murid-murid lain akan menjadi mangsa Enoch untuk membersihkan air kencingnya.

Jadual 1: Rekod Kehadiran Enoch dari bulan Februari hingga April 2005

BULAN	FEBRUARI	MAC	APRIL
PERATUS (%)	57	90	100

Jadual 1 menunjukkan rekod kehadiran Enoch dari bulan Februari hingga April 2005. Dari segi kehadiran, Enoch menunjukkan prestasi yang baik terutamanya pada bulan April 2005 semenjak masuk ke sekolah. Untuk kehadiran bulan Februari 2005, rekod kehadiran Enoch tidak baik kerana beliau selalu balik ke kampung dan tidak datang ke sekolah sampai satu minggu. Apabila saya

menjalankan aktiviti Matematik yang memerlukan penulisan di papan hitam, Enoh tidak ketinggalan mengambil bahagian. Saya akan memanggil setiap murid ke depan untuk menulis mengikut nombor yang saya telah tulis di papan hitam. Apabila tiba giliran Enoh untuk menulis nombor 0 hingga nombor 9, sebelum beredar dari bangku, beliau akan memandang ke arah murid lain dan memandang saya. Melihat beliau masih belum beredar dari bangku, murid-murid lain akan mendesaknya untuk pergi ke depan. Setelah sampai di papan hitam, saya membiar beliau menulis, tapi beliau masih belum menulis apa-apa sebaliknya asyik menggaru kepala berulang kali. Selepas itu, barulah beliau cuba menulis nombor. Beliau menulis satu garis bulat saja, yang dimaksudkan sebagai nombor 0.

Untuk nombor-nombor yang seterusnya, Enoh juga menulis perkara yang sama. Saya memberitahu Enoh bahawa nombor yang ditulis salah dan saya mengajarnya menulis nombor dengan betul dengan memegang tangannya, kemudiannya menulis di papan hitam. Saya meminta Enoh menyebut nombor yang ditunjukkan dengan mengikut saya, tetapi apabila saya memintanya menyebut semula nombor itu, beliau akan menggelengkan kepala dan menyatakan tidak tahu. Apabila Enoh tidak tahu menjawab soalan yang dikemukakan, murid-murid lain akan ketawa.

Cara dia memegang pensel sering kali ditegur saya. Saya selalu memperbetulkan cara dia memegang pensel. Tidak kurang juga rakannya yang lain juga yang turut menunjukkan cara memegang pensel dengan betul.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk

- i. membantu Enoh memegang pensel dengan cara betul;
- ii. membantu Enoh mengenal dan menulis nombor 0 hingga 9 dengan cara yang betul menggunakan teknik *tracing*; dan
- iii. menambah baik amalan pembelajaran dan pengajaran saya yang membantu Enoh.

METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan yang digunakan ialah pemerhatian, lembaran kerja murid dan ujian. Saya membuat pemerhatian ke atas Enoh dari semasa ke semasa tentang tingkah laku. Ini merangkumi rekod kehadiran Enoh. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih lagi, lembaran kerja diberikan. Begitu juga ujian diadakan. Lembaran kerja diedarkan setiap satu bulan dan ujian dijalankan setiap bulan (Ujian Bulanan). Saya telah mengumpul markah-markah Enoh dari bulan Februari hingga bulan April 2005.

Dari pada analisis yang dijalankan, saya mendapat beberapa maklumat yang menjurus kepada perkembangan diri Enoh. Dari segi kehadiran, Enoh menunjukkan rekod kehadiran yang baik kecuali untuk Februari sahaja, rekod kehadirannya tidak berapa baik disebabkan beliau kerap balik mengikut ibunya balik ke kampung. Keadaan ini menyukarkan saya membuat pemantauan dan pemerhatian

Jadual 2: Markah-markah lembaran kerja Enoh pada bulan April

LEMBARAN KERJA PERATUS (%)	LK 1	LK 2	LK 3
	0	0	10

Jadual 2 menunjukkan markah Lembaran Kerja 1 hingga 3 Enoh untuk bulan April. Analisis mendapati beliau belum ada tanda-tanda yang menunjukkan beliau berada di bangku sekolah. Namun, terdapat sedikit kemajuan yang ditunjukkan Enoh pada bulan April yang mana beliau dapat menulis dua nombor iaitu nombor 0 dan 1 berbanding dengan murid-murid lain yang dapat mengenal dan menulis dengan betul walaupun mereka tidak menghadiri kelas pra sekolah.

Jadual 3: Markah ujian bulanan Enoh dari bulan Februari hingga April

TOV	UJIAN FEBRUARI	UJIAN MAC	UJIAN APRIL
0 %	0 %	0 %	0 %

Analisis ujian bulanan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3 jelas menunjukkan beliau tidak memperolehi sebarang markah (%) kecuali kemahiran yang dimiliki oleh Enoh yang terbatas dan tidak berkembang kerana Enoh masih terkial-kial untuk dua nombor iaitu nombor 0 dan 1.


TINDAKAN YANG DIAMBIL

Bagi menjayakan objektif kajian saya ini, saya telah merancang tiga tindakan untuk membantu Enoh. Tindakan pertama yang saya jalankan ialah untuk membantu Enoh memegang pensel dengan cara yang betul. Ini dilakukan dengan memegang tangannya sambil menulis. Tindakan ini adalah bertujuan untuk membiasakan tangan Enoh memegang pensel dan menulis setiap nombor yang diberikan dengan betul. Tindakan ini dilaksanakan dari semasa ke semasa dalam tempoh 3 minggu sehingga Enoh benar-benar pandai memegang pensel.

Kedua, saya juga telah menggunakan teknik *tracing* dengan meletakkan sekeping kertas yang mempunyai nombor 0 hingga 9 di bawah sekeping kertas minyak (lutsinar) dan meminta Enoh menulis mengikut nombor itu. Ini juga disertakan anak panah yang menunjukkan bentuk nombor-nombor itu. Teknik *tracing* ini saya ambil dan telah diubahsuai daripada idea daripada "Textbook Part 1, MATHEMATICS YEAR 1" yang dihasilkan oleh Wan Yusof bin Wan Ngah, Fezarudin bin Mahamudin dan Mohd. Marzuki bin Maulud (2003) dengan menambah sebuah kertas minyak di atas kertas bernombor sebelum membuat *tracing*. Contoh teknik ini adalah seperti pada Rajah 1. Sebelum ini, saya telah menggunakan teknik yang ada dalam buku teks yang menggunakan anak panah untuk menulis nombor tetapi teknik itu tidak berkesan bagi Enoh.


LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENJALANKAN TEKNIK TRACING (CONTOH)

Langkah 1




Sekeping kertas minyak akan diletakkan di atas kertas yang ditulis nombor 0.

Langkah 2



Setelah kertas minyak diletakkan di atas kertas nombor 0, teknik *tracing* di atas kertas minyak akan dilakukan.

Langkah 3



Setelah *tracing* dilakukan, kita akan mendapat hasil seperti di atas.
= Kertas bernombor dari nombor 0 hingga 9 digunakan mengikut urutan setelah Enoh berjaya menulisnya.


Rajah 1: Teknik *tracing* yang diubahsuai

Selain itu, saya juga memperbanyak aktiviti dan permainan yang boleh memberi keseronokan seperti *fun numbers* kepada semua murid terutamanya Enoh. Aktiviti-aktiviti ini hanya dijadikan sebagai tindakan sampingan agar semua murid khususnya Enoh sentiasa menunjukkan minat dalam mata pelajaran Matematik.

DAPATAN KAJIAN

Pada setiap waktu Matematik Tahun 1, saya lebih suka menggunakan lembaran kerja yang diedarkan kepada murid-murid. Melalui lembaran kerja ini, secara tidak langsung saya dapat mengenal pasti kemajuan yang ditunjukkan oleh Enoh. Saya memberikan penerangan seperti biasa kepada semua murid, kemudian barulah saya mula mendekati Enoh yang memerhatikan lembaran kerja yang saya edarkan. Enoh masih memegang pensel dengan rapi tetapi beliau masih tidak menulis apa-apa pada lembaran kerja itu. Saya menegur dan bertanya kenapa beliau masih tidak membuat kerja. Beliau menggaru kepala dan telunjuknya menunjuk ke arah kertas tadi sambil menggelengkan kepalanya. Saya faham maksud yang hendak disampaikan oleh Enoh itu yang menyatakan dia tidak tahu membuat lembaran kerja itu.

Pada mulanya saya menanyakan apa yang dilihat oleh Enoh pada kertas (lembaran kerja) itu. Dia menggelengkan kepala, kemudian saya menerangkan apa yang perlu dibuat olehnya. Semasa saya memberikan penerangan kepadanya, dia asyik melihat muka saya sahaja. Saya pun menunjukkan cara menulis nombor dengan betul dan saya memegang tangannya kemudian menulis nombor 0 hingga 9. Saya ulangi kaedah ini sebanyak sepuluh kali. Setelah selesai saya membiarkan Enoh pula menulis sendiri. Untuk nombor 0, dia menulis dengan betul tetapi untuk nombor 1 ke atas, dia menulis nombor yang sama iaitu nombor 0 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.



Rajah 2: Hasil kerja Enoh sebelum pelaksanaan tindakan

Teknik ini saya teruskan selama tiga minggu yang mana saya akan menyediakan lembaran kerja sama untuk Enoh dan lembaran kerja yang berlainan kepada murid-murid lain dalam Tahun Satu itu. Selain itu, semasa saya membuat penerangan kepada Enoh, saya kaitkan dengan situasi hariannya. Ini bagi memudahkannya menerima sesuatu yang telah dilakukan atau yang sedang dilakukannya.

Sepanjang saya mengajar Matematik Tahun Satu, saya tidak pernah mendengar Enoh bertanya kepada saya mengenai sebarang perkara. Dia lebih banyak menghabiskan masanya dalam dunianya sahaja hingga dia menegurnya barulah dia terjaga dari dunianya.

Dalam saya mengajar Enoh memegang pensel, saya menggunakan teknik *tracing* yang mana kertas bernombor diletakkan di bawah sekeping kertas minyak untuk membantu Enoh menulis nombor. Pada masa yang sama, saya memegang tangannya sambil menulis. Saya bermula dengan menggunakan satu nombor sahaja iaitu nombor 1 kerana Enoh sudah mahir menulis nombor 0. Saya menerangkan bagaimana cara menulis di atas kertas yang mempunyai nombor di bawah kertas minyak itu. Kemudian, giliran Enoh pula menulis nombor itu dan saya memegang tangannya semasa menulis nombor itu berulang kali. Selepas itu, barulah saya membiarkannya menulis sendiri nombor 1 dan nombor-nombor lain. Teknik ini juga saya lakukan dalam tempoh 3 minggu termasuklah hujung minggu apabila beliau tidak balik ke kampung.

Pada suatu hari, Enoh kelihatan begitu gembira dan senyum lebar apabila melihat saya. Saya mendekati Enoh dan menegurnya. Ayat yang pertama kali beliau ucapkan ialah “*Aku bisa maioh pensel,cikgu*” (Saya ada banyak pensel). Saya pun memintanya menunjukkan semua pensel yang

beliau ada. Saya melihat lima batang pensel dalam tangan Enoh. Sebenarnya saya yang memberikan Enoh lima batang pensil itu tapi saya meminta murid lain menyerahkan kepadanya. Tujuan saya memberikannya pensel adalah untuk menarik minatnya untuk menulis. Enoh masih tersenyum lebar dan saya berasa gembira melihat keadaannya yang sentiasa tersenyum. Kemudian saya memintanya menulis sebarang benda pada kertas dan saya mendapati Enoh memegang pensel dengan cara yang betul. Walaupun Enoh masih tidak kenal nombor dan tidak tahu menulis, saya cukup bangga kerana saya telah berjaya pada peringkat awal perlaksanaan tindakan saya dan objektif pertama saya telah tercapai.

Selepas tiga minggu perlaksanaan tindakan dilakukan, saya mengedarkan satu lembaran kerja melibatkan penulisan nombor dari 0 hingga 9 kepada Enoh walaupun tajuk pengajaran lebih ke depan untuk menguji tahap kemajuan Enoh. Apabila saya mengedarkan lembaran kerja ini, secara sepontan Enoh bertanya kepada saya, "Nama utai tuk cikgu?" (Apa benda ini, cikgu?). Mula-mula saya seakan-akan tidak percaya yang Enoh telah bertanya kepada saya. Saya tersenyum lebar melihatnya dan memberitahu tentang lembaran kerja itu. Seorang murid yang tidak pernah bertanya kepada saya menjadi seorang murid yang boleh bertanya. Ini mungkin satu petunjuk yang baik kepada saya dalam menangani masalah Enoh. Saya memberi tunjuk ajar dan dorongan kepada Enoh agar dia dapat menyiapkan lembaran kerja ini.

Setelah siap menjawab lembaran kerja itu, Enoh pun menghantar lembaran kerja tersebut kepada saya. Saya sungguh terkejut kerana terdapat beberapa perubahan yang berlaku pada Enoh iaitu dia sudah pandai menulis nombor 0 dan 1 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3. Tetapi dia masih tidak mengenal pasti nombor-nombor berkenaan walaupun kerap kali saya mengingatkannya bagaimana menulis dan bagaimana rupa sesuatu nombor itu.

0	1	2	3	4	5	6	7
0	1	2	3	4	5	6	7
0	1	2	3	4	5	6	7
0	1	2	3	4	5	6	7
0	1	2	3	4	5	6	7

Rajah 3: Hasil kerja Enoh selepas perlaksanaan tindakan

Pada hari-hari seterusnya, saya sentiasa memerhatikan perubahan dan kemajuan yang ditunjukkan oleh Enoh sepanjang tempoh pelaksanaan tindakan iaitu selama tiga minggu. Dalam tempoh tiga minggu pelaksanaan tindakan, satu perubahan yang ketara ialah cara Enoh memegang pensel di mana beliau menunjukkan cara yang betul memegang pensel. Walaupun dia tidak membuat bising dan tidak mengganggu rakannya tapi beliau kerap kali membaringkan kepalanya di atas meja. Disangka tidur tidak juga, tapi perbuatannya agak aneh sedikit. Berdasarkan data dan maklumat saya dapat daripada tindakan yang saya lakukan menunjukkan petanda positif kepada diri Enoh terutamanya dari segi cara beliau memegang pensel.

Ujian bulanan yang dijalankan tidak menampakkan peningkatan kepada diri Enoh kerana markah yang diperolehi oleh Enoh masih 0 (0%) tetapi daripada 3 lembaran kerja yang diberikan, Enoh menunjukkan sedikit kemajuan kerana pada lembaran kerja yang ketiga, dia mendapat markah sebanyak 10 peratus.

Pemberian pensel yang saya buat, telah berjaya menarik minat Enoh untuk belajar menulis kerana beliau berpendapat bahawa pensel itu adalah benda yang paling berharga. Melalui pemerhatian saya, Enoh mempunyai sifat ingin mencuba. Teknik *tracing* yang saya gunakan juga tidak menampakkan kejayaan untuk membantu Enoh menulis dan mengenali sebarang nombor terutamanya nombor 2 hingga 9. Dia hanya pandai menulis nombor 0 dan 1 sahaja. Setelah banyak cara saya gunakan sama ada berdasarkan buku teks, laporan penyelidikan tindakan lepas dan sumber-sumber lain, saya hampir putus asa kerana saya gagal menemui satu teknik yang berkesan untuk membantu Enoh. Tetapi saya tetap berbangga kerana salah satu objektif saya telah tercapai iaitu Enoh sudah pandai memegang pensel dengan cara yang betul dan Enoh juga sudah boleh menulis nombor 0 dan 1.

Cadangan saya ialah mungkin pada masa akan datang, lembaran kerja yang diedarkan perlulah diasangkan dari segi bilangan nombornya. Dalam satu lembaran kerja haruslah mempunyai satu angka sahaja agar Enoh tidak keliru melihat nombor.

REFLEKSI

Sebelum kajian ini dijalankan, saya dapat merasakan tindakan yang saya lakukan ini akan dapat membantu Enoh mengenali dan menulis dengan lebih cepat kerana semua murid Tahun 1 di sekolah ini dapat mengikut tindakan ini dengan jayanya. Tetapi selepas perlaksanaan tindakan, saya dapat Enoh masih tidak mengenali dan menulis nombor seperti yang saya harapkan. Enoh hanya mahir menulis nombor 0 dan 1 sahaja tetapi saya tetap bersyukur kerana salah satu daripada objektif saya telah tercapai.

Dari segi kandungan sukatan pelajaran, Enoh sudah jauh ketinggalan dari segi pelajaran kerana beliau tidak dapat mengikut apa yang diajar. Enoh memerlukan perhatian yang lebih dan bimbingan yang lebih efektif. Aktiviti atau situasi yang boleh menarik minat beliau untuk belajar mungkin merupakan satu senjata yang paling penting untuk membantu Enoh. Kekurangan yang terdapat pada diri Enoh serta masalah keistimewaan yang lain perlulah diberikan perhatian serius oleh saya bagi merancang suatu tindakan yang boleh membawa kebaikan kepada Enoh dan saya selaku penyelidik.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar kajian tindakan ini diteruskan dengan mengambil kira semua aspek yang boleh mendorong Enoh. Bagi murid seperti Enoh, saya tidak perlu memikirkan tentang sukatan pelajaran atau kandungan kurikulum tetapi harus lebih sensitif terhadap persekitaran, permasalahan dan kelemahan yang terdapat pada Enoh. Saya dapat belajar mengenai pengajaran melalui pengalaman saya menjalankan kajian ini khususnya dari segi keberkesanan sesuatu tindakan yang dilakukan. Timbul juga persoalan-persoalan seperti bagaimana hendak membantu murid seperti Enoh ini agar dia boleh menjadi seorang murid yang berjaya?

BIBLIOGRAFI

- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Curriculum Development Centre. (2002). *Curriculum Specifications: Mathematics Year 1*. Kuala Lumpur: Ministry of Education Malaysia.
- Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik perseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.
- Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.
- McNiff, J. (1993). *Teaching as learning: An action research approach*. London: Routledge.
- Wan Yusof bin Wan Ngah, Fezardin bin Mahamudin & Mohd. Marzuki bin Maulud. (2003). *Mathematics Year 1 Textbook: Part 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ringkasan Sesi

Soalan 1: Enoh tidak memahami bahasa? (Cikgu Abang Adnan)

Jawapan: Enoh boleh memahami bahasa, hanya buta nombor (Cikgu Benjamin).

Komen: Enoh masih dalam tahap/ program transisi kerana ini merupakan 4 bulan pertama serta tidak pernah menghadiri tadika/ prasekolah. Jadi, sukar untuk memutuskan bahawa Enoh buta nombor (Cikgu Louis).

Soalan 2: Bagaimana keadaan Enoh sekarang? (En. Goh)

Jawapan: Boleh membilang 0 hingga 10 tetapi masih tidak boleh mengenal nombor (Cikgu Benjamin)

Komen: Enoh mungkin mempunyai masalah pergerakan tangan atau fizikal yang terlampaui lambat (Cikgu Abang Rosni).

Komen: Mungkin dapat Bantu Enoh dari segi makanan agar secukup (Cikgu Buang).

Komen: Kes Enoh merupakan kes/ situasi kelas Cikgu Benjamin. Kes Enoh adalah sesuatu yang mencabar bagi Cikgu Benami (Pn. Chuah).

Soalan 3: Adakah pembentang menyelidiki 100% keadaan Enoh? Pengalaman sendiri lebih teruk di mana dari tahun 1 – 5, terdapat seorang murid yang hanya boleh tulis 0 dan 1(Cikgu Khusnawie)

Jawapan: Boleh dikatakan kebanyakan kecuali hal-hal peribadi (Cikgu Benjamin).

Soalan 4: Bagaimana mengubah daripada tidak dapat pegang pensel kepada dapat pegang? Adakah teknik *tracing* menggunakan tulisan tangan sendiri atau computer? (Pn. Limok)

Jawapan: Bahan untuk tujuan pembentangan ini dihasilkan menggunakan komputer. Tetapi semasa pelaksanaan, saya membantu Enoh menggunakan tulisan tangan sendiri. Saya menggunakan tangan untuk memimpin Enoh (Cikgu Benjamin).

Dilaporkan oleh:

Cikgu Kong Leh Ting
Sek. Keb. Kem Pakit